

Jasa bukan lesen elak dikenakan tindakan jika terbabit kes rasuah

SPRM diarah bertindak tegas tidak kira status, latar belakang individu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak perlu gentar, sebaliknya terus berani bertindak ke atas mana-mana tokoh biarpun individu itu mempunyai jasa besar atau berpengaruh, jika terbabit rasuah dan salah guna kuasa, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan undang-undang tidak boleh dikompromi hanya kerana individu terbabit pernah menyumbang kepada negara, sebaliknya proses penguatkuasaan perlu berjalan secara adil dan telus.

"Kalau tangkap orang rasuah di pejabat daerah RM1,000 hingga RM5,000, itu selamat. Tetapi kalau siasatan membabitkan ratusan juta atau bilion ringgit, risikonya besar kerana sokongan dan pengaruh mereka juga besar.

"Ramai yang beri alasan orang itu berjasa, tidak sihat atau banyak membantu negara, tetapi jasa bukan alasan untuk menghalang tindakan.

"Semua orang ada jasa, tukang cuci pun ada jasa, Firaun sekalipun pernah disebut memberi makan dan gaji kepada rakyatnya, itu pun jasa," katanya.



Anwar beramah mesra dengan kakitangan SPRM pada Majlis Sambutan Ulang Tahun SPRM Ke-58 dan Peluncuran 'Keep Malaysia Clean' di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun SPRM Ke-58 dan Peluncuran 'Keep Malaysia Clean' di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

Puji keberanian SPRM

Anwar menegaskan, keberanian SPRM dalam menyiasat kes ber-

profil tinggi wajar dipuji, malah kerajaan memberi sokongan penuh kepada usaha itu demi membersihkan negara daripada amalan rasuah.

Katanya, iltizam politik jelas diperlukan supaya tindakan penguatkuasaan tidak terhenti separuh jalan hanya kerana tekanan atau pengaruh pihak tertentu.

"Saya pun aneh, SPRM ada keberanian ambil tindakan tetapi disergah, dimarahi kerana (ambil tindakan) kepada orang itu (atas alasan) tak fikir ke orang itu

ada jasa, orang itu tak begitu sihat, pelbagai alasan aneh.

"Sepatutnya berterima kasih kepada SPRM, bagi semangat dan dorongan (kerana berani ambil tindakan), (kritikan ini) bukan di luar sahaja, malah di Parlimen sendiri," katanya.

Justeru, beliau memberi jaminan Kerajaan MADANI pimpinannya akan terus mendukung usaha SPRM dalam membantaras rasuah dan salah guna kuasa di negara ini.

"Saya lihat SPRM menggegar-kan negara dengan keberanian

bertindak terhadap siapa sahaja yang dianggap melanggar (undang-undang).

"Tahniah kepada semua, mana pernah dalam sejarah keberanian SPRM untuk bertindak kepada pembesar-pembesar yang paling berpengaruh.

"Tan Sri Azam ada sebut kepada saya, sebab nak hampir (pembentangan) belanjawan, jadi bagaimana nak bagi peruntukan tambahan kepada SPRM dan kedua, layanan serta pengiktirafan kerana khidmat cemerlang SPRM," katanya.